

Pesta timba ikan gamit nostalgia

Sinar
Harian
22/3/21
m/s
26



Pesta menimba ikan darat di bendang Tok Ajam, Seling pada Sabtu.

Aktiviti sinonim dengan rakyat Kelantan setiap kali musim kemarau

Oleh HAZELEN LIANA
KAMARUDIN

PASIR PUTEH

Pesta menimba ikan darat yang diadakan sempena Hari Ladang Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) peringkat jajahan Pasir Puteh di bendang Tok Ajam di sini pada Sabtu bukan sahaja sambutan penduduk terutama

golongan muda malah menggamit nostalgia silam.

Pesta tersebut bertujuan menghidupkan semula tradisi yang cukup sinonim dengan rakyat Kelantan setiap kali tiba-banya musim kemarau.

Selain menangkap ikan, acara tradisi itu turut mengukuhkan lagi semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat menerusi aktiviti bergotong-royong ketika menimba ikan.

Antara ikan yang berjaya ditangkap menerusi aktiviti itu ialah ikan keli, sepat, haruan dan banyak lagi.

Seorang peserta, Mohd Alif Azwan Azmi, 17, berkata, dia cukup teruja dapat mengikuti program tersebut yang disifat-

kan sebagai pengalaman baharu buat dirinya.

“Walaupun penat dan kotor namun saya gembira dapat menjayakan program ini bersama rakan-rakan,” katanya.

Menurutnya, sebagai generasi muda dia mahu aktiviti menimba ikan terus disuburkan bagi memastikan ia tidak luput ditelan zaman.

Mohd Alif Azwan berkata, program ini bukan sahaja mengukuhkan hubungan antara penduduk malah dapat memupuk kecintaan terhadap warisan rakyat Kelantan.

Katanya, aktiviti menimba ikan boleh dijadikan sebagai produk pelancongan di negeri itu.